



MALAYSIA



**Warta Kerajaan**  
**SERI PADUKA BAGINDA**  
**DITERBITKAN DENGAN KUASA**

**HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE**  
**PUBLISHED BY AUTHORITY**

Jil. 32  
No. 25

**8hb Disember 1988**

**TAMBAHAN No. 70**  
**PERUNDANGAN (A)**

**P.U. (A) 435.**

**AKTA AKAUNTAN 1967**

**PERINTAH AKAUNTAN (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 1988**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 14 (7) Akta Akauntan 1967, Menteri, selepas meminta nasihat Institut Akauntan Malaysia, membuat perintah yang berikut: Akta 94.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Akauntan (Pindaan Jadual Pertama) 1988** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1988. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Jadual Pertama kepada Akta Akauntan 1967 adalah dipinda dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (e) dalam Bahagian I dengan koma bertitik dan perkataan "or" dan dengan menambah selepas itu perenggan baru yang berikut: Pindaan Jadual Pertama.

"(f) the final examination of Universiti Utara Malaysia for the Degree of Bachelor of Accounting (Honours) or, in the national language, 'peperiksaan akhir Universiti Utara Malaysia untuk Ijazah Sarjanamuda Perakaunan (Kepujian)'."

Dibuat pada 14hb November 1988.

[ANM (T) Sulit 26/69 Pt. 5/(22); PN. (PU<sup>2</sup>) 229.]

**DAIM BIN ZAINUDDIN,**  
*Menteri Kewangan*

## ACCOUNTANTS ACT 1967

## ACCOUNTANTS (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 1988

Act 94.

IN exercise of the powers conferred by section 14 (7) of the Accountants Act 1967, the Minister, after seeking advice of the Malaysian Institute of Accountants, makes the following order:

Citation and commencement.

1. This Order may be cited as the **Accountants (Amendment of First Schedule) Order 1988** and shall be deemed to have come into force on the 1st January 1988.

Amendment of First Schedule.

2. The First Schedule to the Accountants Act 1967 is amended by substituting for the full-stop at the end of paragraph (e) in Part I a semicolon and the word "or" and by adding the following new paragraph thereafter:

“(f) the final examination of Universiti Utara Malaysia for the Degree of Bachelor of Accounting (Honours) or, in the national language, ‘peperiksaan akhir Universiti Utara Malaysia untuk Ijazah Sarjanamuda Perakaunan (Kepujian)’.”

Made the 14th November 1988.

[ANM (T) Sulit 26/69 Pt. 5/(22); PN. (PU<sup>3</sup>) 229.]

DAIM BIN ZAINUDDIN,  
*Minister of Finance*

## P.U. (A) 436.

## ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK 1952

KAEDAH-KAEDAH BAITUL-MAL (WILAYAH PERSEKUTUAN)  
(PERBELANJAAN DAN PENGGUNAAN) (PINDAAN) 1988

Enakmen  
Selangor  
3/1952:  
P.U. (A)  
44/74.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 94 (3) dan 108 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 Negeri Selangor, sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa.

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Baitul-Mal (Wilayah Persekutuan) (Perbelanjaan dan Penggunaan) (Pindaan) 1988** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 9hb Mei 1988.

Pindaan  
kaedah 6.  
P.U. (A)  
154/80.

2. Kaedah 6 Kaedah-Kaedah Baitul-Mal (Wilayah Persekutuan) (Perbelanjaan dan Penggunaan) 1980 adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah (1) baru, seperti berikut:

“(1) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, maka adalah dengan ini ditubuhkan sebuah Jawatankuasa yang